

## BAB EMPAT

### ANALISIS KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Berdasarkan data - data yang diperoleh daripada soal selidik yang dijalankan secara individu. Berikut adalah beberapa analisis yang dibuat berasaskan kepada tajuk - tajuk berikut:

- a. persepsi remaja tentang rancangan remaja di TV3
- b. rancangan remaja yang diminati di TV3 ✓
- c. hirarki rancangan remaja yang diminati di TV3
- d. kekerapan menonton rancangan remaja di TV3 ✓
- e. Faedah yang diperoleh menonton rancangan remaja di TV3 ✓
- f. Jenis rancangan yang diminati oleh remaja di TV3 ✓
- g. Masa yang sesuai untuk menonton rancangan di TV3
- h. Tanggapan remaja terhadap menonton TV di rumah

#### 4.2 Persepsi remaja tentang rancangan remaja di TV3

Persepsi remaja tentang rancangan - rancangan remaja di TV3 telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Persepsi mereka ini boleh dilihat berdasarkan jadual 4.

Jadual 4: Persepsi remaja tentang rancangan remaja di TV3

Persepsi	Kekerapan ( N = 60 )	Peratus
Rancangan remaja sesuai di tonton	57	95.0
Memilih rancangan tertentu untuk di tonton	55	91.7
Tidak peduli tentang rancangan di TV 3	2	3.3

Pada keseluruhannya, analisis data yang diperoleh ini menunjukkan bahawa persepsi kebanyakan remaja di luar bandar menonton rancangan - rancangan remaja di TV3 adalah positif. Didapati sejumlah 95.0 % remaja menganggap rancangan - rancangan remaja di TV3 sesuai untuk ditonton. Walaupun begitu remaja - remaja juga mempunyai cita rasa sendiri untuk memilih rancangan - rancangan remaja yang dapat memenuhi selera mereka. Terdapat 91.7 %, remaja memilih rancangan - rancangan remaja tertentu sahaja untuk ditonton di TV3. Hanya sebilangan kecil remaja di luar bandar iaitu 3.3 % tidak ambil peduli tentang rancangan - rancangan remaja di TV3.

### 4.3 Rancangan remaja yang diminati di TV3

Jadual 5: Rancangan remaja yang diminati di TV3

Rancangan	Peratusan pelajar yang meminati		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
RSB	35.0 ( 21 )	51.7 ( 31 )	86.7 ( 52 )
Melodi	21.7 ( 13 )	23.3 ( 14 )	45.0 ( 27 )
Pop Kuiz	3.3 ( 2 )	11.7 ( 7 )	15.0 ( 9 )
Teen Talk	11.7 ( 7 )	13.3 ( 8 )	25.0 ( 15 )
Bijak Belajar	20.0 ( 12 )	20.0 ( 12 )	40.0 ( 24 )
Kartun	13.3 ( 8 )	11.7 ( 7 )	25.0 ( 15 )
Sinaran Pasport Kegemilangan	13.3 ( 8 )	16.7 ( 10 )	30.0 ( 18 )

( N= 60 )

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5, adalah di antara rancangan - rancangan remaja yang disiarkan di TV3. Hampir semua rancangan tersebut disiarkan setiap minggu. Daripada data tersebut rancangan RSB merupakan rancangan remaja yang paling diminati oleh golongan remaja di luar bandar iaitu 86.7 % remaja meminati rancangan tersebut. Manakala rancangan yang paling kurang diminati oleh remaja di luar bandar ialah Pop Kuiz iaitu 15.0 %.

Sementara rancangan Melodi hanya 45.0 % remaja luar bandar meminati rancangan tersebut. Bagi rancangan Bijak Belajar pula, menunjukkan 40.0 % remaja di luar bandar meminati rancangan tersebut. Sementara rancangan Sinaran Pasport Kegemilangan yang mencungkil bakat - bakat baru

termasuk bakat remaja telah menarik 30.0 % remaja untuk meminati rancangan itu.

Bagi rancangan remaja yang menggunakan bahasa Inggeris, iaitu Teen Talk diminati oleh 25.0 % remaja di luar bandar. Seterusnya rancangan Pop Kuiz yang memaparkan kuiz hiburan hanya diminati 15.0 % remaja sahaja di luar bandar.

#### 4.4 Hierarki rancangan remaja yang diminati di TV3

Jadual 6: Hierarki rancangan remaja yang diminati di TV3

Hierarki	Jumlah Responden				
	Pilihan 1	Pilihan 2	Pilihan 3	Pilihan 4	Pilihan 5
RSB	33 ( 55.0 %)	12 ( 20.0 %)	5 ( 8.3 %)	2 ( 3.3 %)	-
Sinaran Pasport Kegemilangan	7 ( 11.6 %)	11 ( 18.3 %)	5 ( 8.3 %)	2 ( 3.3 %)	-
Bijak Belajar	6 ( 10.0 %)	13 ( 21.6 %)	2 ( 3.3 %)	2 ( 3.3 %)	-
Melodi	7 ( 11.6 %)	3 ( 5.0%)	14 ( 23.3%)	3 ( 5.0 %)	-
Teen Talk	1 ( 1.6 %)	3 ( 5.0%)	6 ( 10.0%)	3 ( 5.0%)	1 ( 1.6%)
Kartun	-	5 ( 8.3 %)	6 ( 10.0%)	3 ( 5.0%)	2 ( 3.3%)
Pop Kuiz	2 ( 3.3 %)	2 ( 3.3 %)	2 ( 3.3%)	-	1 ( 1.6%)

( N = 60 )

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6, kekerapan pilihan rancangan - rancangan remaja di TV3 menunjukkan bahawa rancangan RSB menjadi rancangan yang menjadi pilihan utama. Ini dibuktikan apabila 33 responden

memilihnya sebagai pilihan pertama untuk ditonton. 12 responden memilih rancangan RSB sebagai pilihan kedua. 5 responden memilih rancangan RSB sebagai pilihan ketiga dan 2 responden memilih sebagai pilihan keempat.

Untuk rancangan Sinaran Pasport Kegemilangan, sejumlah 7 responden memilih rancangan tersebut sebagai pilihan pertama. 11 responden memilih untuk pilihan kedua. 5 responden memilih bagi pilihan ketiga dan 2 responden memilih rancangan ini untuk pilihan keempat.

Rancangan Bijak Belajar pula dipilih oleh 6 responden sebagai pilihan pertama. Manakala 13 responden memilih untuk pilihan kedua. Sementara 2 responden memilih sebagai pilihan ketiga. Hanya 2 responden memilih rancangan tersebut sebagai pilihan keempat.

Rancangan Melodi pula, seramai 7 responden memilih rancangan tersebut untuk pilihan pertama. 3 responden memilih sebagai pilihan kedua. Sementara 14 responden memilih rancangan ini untuk pilihan ketiga. Manakala hanya 3 responden memilih sebagai pilihan keempat. Bagi rancangan remaja yang menggunakan bahasa Inggeris iaitu Teen Talk, hanya 1 responden memilihnya sebagai pilihan pertama. Pilihan kedua oleh 3 responden. Bagi pilihan ketiga hanya 6 responden memilihnya . Manakala 3 responden memilih untuk pilihan keempat dan 1 responden memilih sebagai pilihan kelima.

Untuk rancangan kartun tiada responden memilih rancangan ini sebagai pilihan pertama. Cuma 5 responden memilih rancangan ini untuk pilihan kedua, 6 responden memilih untuk pilihan ketiga. Sementara 2 responden memilih rancangan ini sebagai pilihan keempat dan hanya 2 responden memilih rancangan ini untuk pilihan kelima.

Akhirnya rancangan Pop Kuiz mendapati 2 responden memilih sebagai pilihan pertama. Bagi pilihan kedua 2 responden memilihnya. Untuk pilihan ketiga hanya 1 responden memilih rancangan ini, tiada responden memilih untuk pilihan keempat dan 1 responden memilih rancangan ini untuk pilihan kelima.

#### 4.5 Kekerapan menonton rancangan remaja yang diminati di TV3

Jadual 7: Kekerapan menonton rancangan remaja yang diminati di TV3

Kekerapan	Peratus
Setiap minggu	58.3 ( 35 )
2 - 3 kali dalam sebulan	35.0 ( 21 )
sekali dalam sebulan	-
sekali - sekala	6.7 ( 4 )

( N = 60 )

Berdasarkan jadual 7, data menunjukkan peratus remaja di luar bandar yang menonton rancangan - rancangan remaja yang disiarkan setiap minggu di TV3. Peratusan remaja menonton rancangan remaja di TV3 adalah tinggi iaitu 58.3 % remaja menonton rancangan remaja setiap minggu. Manakala 35.0 % remaja menonton rancangan remaja untuk dua hingga tiga kali dalam sebulan dan hanya 6.7 % remaja di luar bandar menonton rancangan remaja sekali - sekala sahaja.

#### 4.6 Faedah yang diperolehi daripada menonton rancangan remaja di TV3

Jadual 8: Faedah yang diperolehi daripada menonton rancangan remaja di TV3

Faedah	Peratus
Memberikan ilmu pengetahuan	66.7 ( 40 )
Mengetahui perkara - perkara baru	56.7 ( 34 )
Memberikan tauladan yang baik	40.0 ( 24 )
Memberikan hiburan	50.0 ( 30 )
Menghilangkan bosan di rumah	55.0 ( 33 )

( N = 60 )

Berdasarkan jadual 8, bagi remaja - remaja yang terdapat di luar bandar menonton rancangan - rancangan remaja di TV3 dapat memberikan mereka ilmu pengetahuan yang amat berguna kepada mereka. 66.7 % remaja menganggap menonton rancangan remaja dapat memberikan ilmu pengetahuan terhadap mereka.

Remaja di luar bandar apabila menonton rancangan - rancangan remaja di TV3 ingin mengetahui perkara - perkara baru untuk menambahkan pengalaman mereka. Ini dibuktikan apabila 56.7 % remaja di luar bandar menyatakan mereka menonton rancangan remaja untuk mendapatkan perkara - perkara baru dalam hidup mereka. Sebaliknya sejumlah 55.0 % remaja menyatakan, mereka menonton rancangan remaja di TV3 hanya untuk

menghilangkan rasa bosan apabila duduk di rumah.

Terdapat juga remaja yang menonton semata - mata untuk mencari hiburan sebab itu 55.0 % remaja di luar bandar berpendapat mereka menonton rancangan - rancangan remaja di TV3 di rumah akan memberikan hiburan kepada mereka. Sementara 40.0 % remaja di luar bandar menyatakan bahawa rancangan - rancangan remaja di TV3 dapat memberikan mereka contoh tauladan yang baik kepada mereka.

#### 4.7 Jenis rancangan yang diminati oleh remaja di TV3

Jadual 9: Jenis rancangan yang diminati oleh remaja di TV3

Jenis Rancangan	Peratus		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Hiburan	23.3 ( 14 )	41.7 ( 25 )	65.0 ( 39 )
Ilmu Pengetahuan	28.3 ( 17 )	33.3 ( 20 )	61.6 ( 37 )
Rencana	21.7 ( 13 )	20.0 ( 12 )	41.7 ( 25 )
Sukan	16.7 ( 10 )	15.0 ( 9 )	31.7 ( 19 )
Tauladan	11.7 ( 7 )	20.0 ( 12 )	31.7 ( 19 )

( N = 60 )

Walaupun remaja meminati rancangan - rancangan remaja di TV3, namun mereka juga mempunyai cita rasa untuk menonton rancangan - rancangan lain, tetapi yang jelas rancangan bercorak hiburan masih diminati



oleh remaja di luar bandar. Sejumlah 65.0 % remaja meminati rancangan bercorak hiburan.

Sementara itu rancangan yang memaparkan ilmu pengetahuan juga diminati oleh golongan remaja iaitu sejumlah 61.6 % meminati rancangan bercorak ilmu pengetahuan. Sejumlah 41.7 % remaja di luar bandar juga memilih rancangan yang berbentuk rencana. Sementara 31.7 % remaja di luar bandar meminati rancangan berbentuk sukan dan 31.7 % remaja di luar bandar suka kepada rancangan yang dapat memberikan mereka contoh tauladan yang baik.

#### 4.8 Masa yang digunakan untuk menonton rancangan remaja di TV3

Jadual 10: Masa yang digunakan untuk menonton rancangan remaja di TV3

Masa ( seminggu )	Peratus		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Kurang dari sejam	5.0 ( 3 )	3.3 ( 2 )	8.3 ( 5 )
2 -3 jam	15.0 ( 9 )	16.7 ( 10 )	31.7 ( 19 )
4 - 5 jam	-	1.6 ( 1 )	1.6 ( 1 )
Tidak terhad masa	21.6 ( 13 )	36.7, ( 22 )	58.4 ( 35 )

( N = 60 )

Berdasarkan jadual 10, hanya 8.3 % remaja di luar bandar menggunakan masa kurang dari sejam dalam seminggu untuk menonton rancangan remaja. Sementara 31.7 % remaja di luar bandar menonton rancangan - rancangan

remaja 2 hingga 3 jam seminggu. Cuma 1.6 % remaja perempuan menonton rancangan - rancangan remaja lebih dari 4 jam. Sedangkan 58.4 % remaja di luar bandar menonton rancangan - rancangan remaja dengan tiada had masa dalam seminggu.

#### 4.9 Masa yang sesuai untuk rancangan remaja di TV3

Jadual 11: Masa yang sesuai untuk rancangan remaja di TV3

Waktu	Peratus
Pagi	3.3 ( 2 )
Tengah hari	23.3 ( 14 )
Petang	38.3 ( 23 )
Malam	35.0 ( 21 )

( N = 60 )

Walaupun banyak rancangan - rancangan remaja yang dapat ditonton oleh remaja di TV3, namun masa siaran merupakan faktor penting yang akan menentukan setiap rancangan - rancangan remaja yang disiarkan oleh pihak TV3 dapat ditonton oleh remaja di luar bandar. Waktu pagi dianggap masa yang tidak sesuai bagi remaja untuk menonton televisyen. Hanya 3.3 % remaja mendapati waktu pagi sesuai bagi mereka. Sebaliknya 23.3 % memilih waktu tengah hari sesuai bagi mereka untuk menonton rancangan - rancangan remaja di TV3. Manakala 38.3 % remaja di luar bandar memilih waktu petang merupakan masa yang paling sesuai bagi remaja di luar bandar untuk menonton

rancangan - rancangan remaja di TV3. Sementara waktu malam 35.0 % remaja di luar bandar menganggap waktu paling sesuai bagi remaja untuk menonton rancangan - rancangan remaja di TV3.

#### 4.10 Tanggapan remaja terhadap menonton televisyen di rumah

Jadual 12: Tanggapan remaja terhadap menonton televisyen di rumah

Item - item	Peratus remaja setuju	Peratus remaja tidak pasti	Peratus remaja tidak setuju
Di hujung minggu perlu banyak rancangan remaja	83.3	8.3	8.3
Menonton televisyen adalah untuk mengatasi kebosanan di rumah	71.7	18.3	10.0
Terdapat banyak rancangan remaja yang ingin saya tonton	66.7	21.7	11.6
Menonton televisyen untuk menambahkan ilmu pengetahuan	63.4	25.0	11.6
Menonton adalah aktiviti berfaedah	51.7	31.7	16.6
Menonton adalah cara yang baik untuk mengisi masa lapang di rumah	40.0	20.0	40.0
Menonton televisyen dapat memberikan kepuasan pada diri saya	35.0	35.0	30.0
Di hari cuti sekolah patut diisi dengan menonton televisyen	10.0	26.7	63.3

Reponden remaja di luar bandar telah diminta memberikan maklum balas tentang item - item yang berkaitan menonton televisyen. Dalam jadual 12,

tanggapan remaja terhadap item - item berkenaan disusun mengikut kategori peratus persetujuan dari yang paling tinggi hingga ke peratus yang paling rendah. Bagi item 'di hujung minggu perlu banyak rancangan remaja' merupakan item yang paling tinggi peratus remaja di luar bandar menyetujuinya, iaitu 83.4 %. Ini menunjukkan bahawa perlunya diperbanyakkan lagi rancangan - rancangan remaja di hujung minggu agar remaja dapat mengisi masa mereka di hujung minggu dengan menonton rancangan remaja yang berkualiti.

Item 'menonton televisyen adalah untuk mengatasi kebosanan di rumah' mendapat peratus yang kedua tinggi remaja di luar bandar menyetujuinya, iaitu 71.7 %. Jadi faktor kebosanan merupakan faktor penting kenapa remaja di luar bandar menonton televisyen di rumah. Item yang mendapat peratus ketiga tinggi remaja menyetujuinya ialah 'terdapat banyak rancangan remaja yang ingin saya tonton'. Item ini mendapat 66.7 %. Ini menunjukkan bahawa remaja ingin diperbanyakkan lagi rancangan - rancangan remaja yang disiarkan di kaca televisyen agar dapat mereka menontonnya.

Item 'menonton televisyen untuk menambahkan ilmu pengetahuan' adalah item yang mendapat peratus keempat tinggi remaja menyetujuinya iaitu 63.4 %. Ini menunjukkan remaja menonton rancangan - rancangan televisyen adalah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang berguna kepada remaja.

Selain itu item 'menonton adalah aktiviti yang berfaedah' merupakan item kelima mendapat peratus tinggi remaja menyetujuinya. Sejumlah 51.7 % remaja berpendapat dengan menonton televisyen akan dapat memberikan faedah kepada diri remaja.

Sementara item 'menonton adalah cara yang baik untuk mengisi masa lapang' hanya 40.0 % remaja di luar bandar menyetujuinya. Ini menunjukkan remaja mempunyai lain - lain aktiviti untuk dilakukan bagi mengisi masa lapang mereka.

Item yang mendapat peratus ketujuh tinggi remaja menyetujuinya ialah 'menonton televisyen dapat memberikan kepuasan pada diri saya'. Item ini mendapat 35.0 %. Ini menunjukkan bahawa remaja mempunyai cara lain untuk mencari kepuasan diri selain dari menonton televisyen. Manakala item yang terakhir remaja menyetujuinya ialah 'di hari cuti sekolah patut diisi dengan menonton televisyen' dianggap tidak sesuai bagi remaja. Ini kerana hanya 10.0 % sahaja remaja yang menyetujuinya. Bagi remaja musim cuti sekolah tidak semestinya masa mereka diisi dengan menonton televisyen tetapi dipenuhi dengan lain - lain aktiviti.

Sementara itu bagi item yang remaja di luar bandar tidak menyetujuinya mendapat peratus yang paling tinggi ialah 'di hari cuti sekolah patut diisi dengan menonton televisyen' iaitu 63.3 %. Ini jelas menunjukkan bahawa remaja di luar bandar menghabiskan masa cuti mereka dengan tidak hanya menonton televisyen di rumah tetapi dipenuhi dengan aktiviti - aktiviti lain.

Item yang mendapat peratus kedua tinggi remaja tidak menyetujuinya ialah 'menonton adalah cara yang baik untuk mengisi masa lapang'. Item ini mendapat 40.0 % peratus remaja tidak menyetujuinya. Bagi item 'menonton televisyen dapat memberikan kepuasan pada diri saya' mendapat peratus ketiga tinggi remaja tidak menyetujuinya, iaitu 30.0 %. Ini menunjukkan remaja menonton televisyen tidak hanya untuk mencari kepuasan tetapi dipengaruhi

oleh faktor lain.

Item 'menonton adalah aktiviti berfaedah' tidak disetujui oleh 16.6 % remaja di luar bandar. Ini menunjukkan remaja menganggap menonton televisyen tidak semestinya dapat memberikan faedah kepada remaja. Item yang mendapat kelima peratus tinggi remaja tidak menyetujuinya ialah 'terdapat banyak rancangan remaja yang ingin saya tonton'. Hanya 11.6 % remaja tidak menyetujuinya. Ini menerangkan bahawa tidak semua rancangan - rancangan remaja di televisyen dapat menarik perhatian remaja untuk menonton rancangan tersebut.

Begitu juga dengan item 'menonton televisyen untuk menambahkan ilmu pengetahuan', hanya 11.6 % remaja tidak menyetujuinya. Remaja menganggap menonton televisyen tidak semestinya untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Ini kerana banyak cara lain yang boleh dilakukan oleh remaja untuk menambahkan ilmu pengetahuan contohnya membaca buku. Bagi item 'menonton televisyen adalah untuk mengatasi kebosanan di rumah' peratus remaja tidak menyetujuinya ialah 10.0 % sahaja. Ini menunjukkan remaja menonton televisyen bukan untuk menghilangkan kebosanan di rumah tetapi disebabkan oleh faktor lain. Akhirnya item 'di hujung minggu perlu banyak rancangan remaja' hanya mendapat peratus yang paling rendah remaja di luar bandar tidak menyetujuinya iaitu 8.3 %. Ini menunjukkan hanya sebilangan kecil remaja tidak menyetujui rancangan remaja diperbanyakkan di hari hujung minggu.

Walaupun remaja di luar bandar menonton televisyen adalah untuk tujuan - tujuan tertentu, namun terdapat juga remaja di luar bandar yang masih tidak

pasti apakah yang mereka peroleh dengan menonton televisyen. Ini dapat dijelaskan dengan peratus yang agak tinggi iaitu 35.0 % remaja tidak pasti dengan item 'menonton televisyen dapat memberikan kepuasan pada diri saya'.

Begitu juga dengan item yang mendapat kedua peratus yang agak tinggi iaitu 31.7 % remaja tidak pasti 'menonton adalah aktiviti berfaedah'. Ini menunjukkan terdapat remaja yang tidak pasti dengan menonton dapat memberikan banyak faedah kepada diri mereka. Hal ini berlaku kemungkinan remaja banyak terdedah terhadap rancangan - rancangan di televisyen yang tidak dapat memberikan apa faedah kerana rancangan - rancangan yang disiarkan hanya untuk memenuhi syarat untuk disiarkan sahaja tanpa mementingkan mutu serta bahan yang dipaparkan kepada penonton.

Remaja di luar bandar juga tidak pasti dengan item 'di hari cuti sekolah patut diisi dengan menonton televisyen', sejumlah 26.7 % remaja tidak pasti adakah di masa cuti mereka patut diisikan dengan menonton televisyen. Ini menunjukkan sebilangan remaja tidak kisah dengan rancangan - rancangan yang disiarkan di masa cuti sekolah kerana antara menonton dan melakukan aktiviti lain adalah sama bagi mereka. Remaja tidak merasakan kerugian jika mereka tidak menonton televisyen di masa cuti sekolah.

Begitu juga dengan item 'menonton televisyen untuk menambahkan ilmu pengetahuan'. Sejumlah 25.0 % remaja di luar bandar tidak begitu pasti adakah dengan menonton televisyen dapat memberikan mereka ilmu pengetahuan. Remaja juga tidak pasti dengan item 'terdapat banyak rancangan remaja yang ingin saya tonton'. Item ini mendapat 21.7 % remaja tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa rancangan - rancangan remaja yang terdapat di televisyen

masih gagal menarik sebilangan remaja untuk menontonnya.

Item 'menonton adalah cara yang baik untuk mengisi masa lapang di rumah' juga terdapat remaja tidak pasti dengan item ini. Sejumlah 20.0 % remaja tidak pasti adakah dengan menonton televisyen dapat memenuhi masa lapang mereka atau melakukan aktiviti lain. Terdapat juga remaja yang tidak pasti adakah 'menonton televisyen dapat mengatasi kebosanan di rumah', iaitu 18.3 % remaja tidak pasti cara untuk mengatasi kebosanan tinggal di rumah.

Akhirnya remaja di luar bandar juga tidak pasti adakah 'di hujung minggu perlu banyak rancangan remaja'. Ini menunjukkan terdapat sebilangan kecil remaja tidak begitu ambil peduli tentang rancangan - rancangan yang disiarkan di hujung minggu untuk remaja.